Al-Quran kubu tolak kejahatan

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz (kiri) menyerahkan Mushaf Al-Quran kepada pelajar baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Januari. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berkata, belajar dan mengajar ilmu Al-Quran sangatlah besar kelebihannya.

Semasa berucap pada Majlis Penerimaan Pelajar-Pelajar Baharu Peringkat Menengah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang berlangsung di Dewan Kuliah, ITQSHHB, di sini Yang Berhormat menghuraikan mengapa pada zaman ini, banyak pihak kurang berminat dengan bidang Al-Quran, berbanding dengan lain-lain bidang.

"Kerana mungkin saja mereka itu sudah cuba mencari-cari nilai ekonomi di sini, tetapi mereka tidak jumpa atau tidak nampak, atau memang tidak ada apa-apa yang menyeronokkan di mata mereka, makanya Al-Quran itu pun tidaklah menghairahkan," ujar Yang Berhormat.

Perkara ini, tambahnya, bukan berlaku kepada kita sahaja, tetapi juga dalam dunia Islam yang lain-lain.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru umat Islam supaya berkubu dari bisikan-bisikan dan hasutan-hasutan para syaitan dengan Al-Quran, iaitu dengan banyak-banyak membaca Al-Quran.

Al-Quran, tegas Yang Berhormat, adalah kubu paling kebal untuk menolak segala kejahatan, termasuk segala hasutan dan bisikan syaitan kerana para syaitan tidak mampu menang dengan Al-Quran.

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berucap pada majlis tersebut.

ITQSHHB terima kemasukan 60 pelajar baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Januari. - Seramai 60 pelajar diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi 1440 Hijrah / 2019 Masihi terdiri dari 21 lelaki dan 39 perempuan bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis kemasukan pelajar baharu yang berlangsung di Dewan Kuliah ITQSHHB di sini ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis tersebut merupakan acara kemuncak bagi Program Minggu Ta'aruf (Orientasi) selama enam hari bermula 7 Januari lalu.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyerahkan Mushaf Al-Quran kepada pelajar baharu, diikuti dengan bacaan ikrar daripada pelajar baharu ITQSHHB Sesi 2019 dan kemudiannya penyerahan pelajar baharu oleh wakil ibu bapa dan penjaga kepada wakil ITQSHHB.

Penubuhan ITQSHHB adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-46 pada 15 Julai 1992.

Pada Jumaat, 8 Rejab 1413 Hijrah bersamaan 1 Januari 1993, ITQSHHB secara rasminya ditubuhkan dengan pengambilan pertamanya seramai 45 pelajar pertama.

ITQSHHB merupakan sebuah Institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran di peringkat menengah dan diploma yang menggabungjalinkan Hafazan Al-Quran dan ilmu-ilmu Al-Quran sebagai dasar, di samping mata pelajaran lain.

ITQSHHB menerima seramai 21 pelajar lelaki daripada 60 pelajar baharu.

BIIF bakal pamer sejarah, ketamadunan Islam

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang (kiri) dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (dua, kiri) antara yang hadir pada Majlis Pra Perasmian Brunei Islamic International Festival (BIIF) atau Festival Islam Antarabangsa Brunei.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

GADONG, Sabtu, 12 Januari. - Brunei Islamic International Festival (BIIF) atau Festival Islam Antarabangsa Brunei adalah festival pameran, aktiviti-aktiviti dan jual-jualan yang berkonsepkan keislaman yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Sehubungan itu, Majlis Pra Perasmiannya diadakan di Hotel Rizqun Antarabangsa, di sini.

Antara yang hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Qalby Sdn. Bhd., Dayang Norjinah binti Mahmud antara lain menyatakan, objektif utama pameran-pameran yang diadakan dalam BIIF ini adalah untuk mendukung hasrat Kebawah Duli dalam mengukuhkan maqasid syariah sebagai salah satu pra syarat untuk kejayaan negara dan hasrat baginda dalam menjadikan negara kita sebuah Negara Zikir.

Jadi dalam konteks pameran ini katanya, objektif syariatnya adalah dalam pemeliharaan akal, iaitu intelek, yang mana salah satu acara utama dalam BIIF ini nanti adalah pameran sejarah dan ketamadunan Islam.

Majlis itu turut diserikan dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Kepentingan Mengenali Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pengarah Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Ustaz Haji Abdurrahman Haqqi.

BIIF adalah acara yang dianjurkan oleh Qalby Sdn. Bhd., bersempena dengan Brunei December Festival (BDF) 2018, iaitu satu inisiatif yang dikembangkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Selain itu, syarikat tersebut juga akan membuka ruang bagi syarikat-syarikat tempatan, Institusi Pengajian Islam dan kedutaan-kedutaan luar untuk membuat pameran keislaman, termasuk sejarah tamadun Islam, seni, seni bina dan budaya keislaman.

Antara program yang akan dibawakan nanti adalah Pameran Athar Junjungan Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan ahli keluarga Baginda.

Antara 'athar' yang akan dapat dilihat dengan lebih dekat nanti adalah termasuk rambut Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kiswah Makam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan lain-lain.

Seterusnya adalah pameran ilustrasi sejarah Islam yang akan memaparkan perjalanan hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan empat sahabat Khalifah Ar Rashidin yang akan memaparkan ilustrasi gambaran dan penerangan perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sejarah-sejarah penting (sirah) dalam mengembangkan syiar Islam, yang mana akan dipamerkan dengan menggunakan grafik imej yang menarik, *miniature* dan replika.

Pameran juga akan mempunyai sedikit kelainan daripada pameran sebelumnya kerana para pengunjung akan dapat menyaksikan pameran yang berteknologi tinggi, iaitu melalui audio visual hologram dan 3D projection, antaranya adalah sejarah pembinaan Kaabah, yang bakal memperlihatkan imej dalaman Kaabah.

Para pengunjung juga dapat menghadiri program ceramah khas keagamaan dan ceramah motivasi daripada usahawan Islam.

Apa yang dihasratkan ialah pameran itu nanti akan dapat memberikan kefahaman, pengajaran dan penghayatan ilmu yang mendalam juga bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa dan kepada mereka yang bukan beragama Islam, dari dalam mahupun luar negara.

Tarikh dan lokasi bagi BIIF akan diumumkan kemudian atau dalam masa terdekat ini.

Orang ramai yang ingin mengetahui maklumat lanjut mengenainya boleh menghubungi Qalby Sdn. Bhd., di talian +673 8319093 atau layari laman sesawang *www.brunei.events/*.